

139 murid SM Agama Islam Labuan lawat UMS-KAL

UB 01.03.2012 B4

LABUAN: Seramai 139 murid Sekolah Menengah Agama Islam, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia

Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), pagi kelmarin.

Mereka terdiri daripada 54 murid lelaki dan 85 perempuan yang kesemuanya murid Tingkatan Satu dan Dua yang berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sarawak dan empat orang dari Indonesia.

Rombongan SM Agama itu diketuai Guru Penolong Kanan Satu, Abdul Fattah Abdul Hafiz, Guru Penolong Kanan, Hal Ehwal Murid, Azlan Yassin dan tiga guru perempuan, Noradawiyah Othman, Noorkamalasari Zaman dan Haryani.

Menurut Abdul Fattah, lawatan itu bertujuan untuk mendedahkan murid Tingkatan Satu dan Dua SM Agama Labuan itu kepada suasana pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, pendedahan itu penting

sebagai persediaan mereka menghadapi aliran sekolah menengah atas dan seterusnya suasana di sebuah universiti awam.

“Lawatan sambil belajar itu diharap mampu menyuntik semangat murid untuk gigih berusaha agar cita-cita mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi akan tercapai,” katanya.

SM Agama Islam Labuan menumpang buat sementara waktu di Sekolah Rendah Agama Islam Kampung Lubok Temiang.

Sementara itu, taklimat mengenai pentadbiran UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu.

Turut hadir Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Soon Chiow Thai dan Pustakawan, Dayang Ruhidah Saplee.

(gambar kanan) MURID perempuan SM Agama Islam Labuan mengabadikan kenangan di hadapan bangunan menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan.



PELAJAR lelaki SM Agama Islam Labuan bergambar kenangan di UMS Labuan, kelmarin.

